

TICKET
TO
VICTORY
(EDISI SEMAKAN)

BAHASA MELAYU

SPM 2024

KERTAS 3





Kata Alu-Aluan

DATO' MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON, D.P.M.P, A.M.P.
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

Assalamualaikum warahmatullahhi wara捧akatuh,

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam Perak Sejahtera 2030 dan Salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka modul Ticket to Victory edisi 2024 ini berjaya dihasilkan.

Modul yang dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran yang berpengalaman memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk penting yang perlu dikuasai oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Modul edisi 2024 ini juga mengandungi penambahan kerana memberi perhatian kepada semua peringkat calon serta bersasar.

Melalui pendekatan berfokus begini diharapkan agar modul ini dapat membantu pelajar-pelajar untuk menguasai fakta-fakta penting dan tajuk-tajuk tertentu mengikut kemampuan pelajar.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berharap agar melalui penerbitan modul ini dapat membantu guru-guru menyediakan latihan dan soalan latih tubi berfokus agar para pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dan menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta guru-guru yang telah bergabung tenaga dan idea bagi menghasilkan modul ini. Semoga komitmen dan kerjasama erat ini akan membawa hasil yang diharapkan serta diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Kata Alu-Aluan

SAFUAN BIN HAJI RABA'AI

Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



Assalamualaikum warahmatullahhi wara捧atuh,

Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, serta salam Anak Yang Baik Lagi Cerdik.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah merealisasikan dengan jayanya modul 'Ticket to Victory 2024'.

Modul ini menggambarkan kecekalan warga pendidik di negeri Perak untuk menghasilkan modul untuk digunakan oleh calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap unit yang berkolaboratif dengan Guru Cemerlang, Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran negeri ini dalam menyiapkan modul ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyempurnakan modul 'Ticket to Victory 2024' ini.

Diharapkan melalui kerjasama daripada semua pihak yang digembung sepenuhnya dalam menghasilkan modul ini berhasil meningkatkan kualiti jawapan calon seterusnya melonjakkan kecemerlangan pelajar di negeri ini.

Semoga usaha ini tidak terhenti setakat ini, sebaliknya semua pihak perlu berperanan dalam usaha melakarkan kegemilangan pendidikan di negeri Perak.

Salam hormat

PENGHARGAAN



PUAN HAJAH FADHILAH
BINTI HAWARY
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
UNIT BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN



ENCIK SAFUAN BIN HAJI RABA'AI PPT
TIMBALAN PENGARAH
SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



PUAN NURMAZURA BINTI MOHAMAD
YUNUS
PENOLONG PENGARAH
UNIT BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN

BARISAN PANEL



MOHD KHAIRUL NIZAM
BIN HAMAT@ MAT RONI
SMK SYEIKH ABD GHANI



MOHD FAIZAL BIN YAHYA
SMK MUDZAFFAR SHAH



MOHD KHUSAIRI BIN KHAZALI
SMK KAMPUNG JAMBU



MOHD TARMIMI BIN RAZALI
SMK SERI AMPANG



NOORHAFIEZ BIN SAIDIN
SMK PANGLIMA BUKIT GANTANG



ROAZZILA BINTI YEOB RAMLI
SMK WIRA JAYA



NOORIN BINTI MOHAMED HAIRIRI
SMK SIMPANG PULAI

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERKARA
1-6	MODUL LATIHAN INDIVIDU : SET 1
7-10	MODUL LATIHAN INDIVIDU : SET 2
11-18	MODUL LATIHAN KUMPULAN : SET 1
19-27	MODUL LATIHAN KUMPULAN : SET 2

SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

TEMA : PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Ekopelancongan adalah satu bentuk pelancongan yang memberi tumpuan kepada pemuliharaan alam semula jadi serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Di Malaysia, banyak destinasi ekopelancongan yang terkenal seperti Taman Negara, Pulau Redang, dan Hutan Simpan Royal Belum. Tempat-tempat ini menarik minat pelancong dari seluruh dunia yang ingin menikmati keindahan semula jadi negara kita. Selain itu, ekopelancongan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi negara dengan menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan untuk masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam memajukan ekopelancongan, termasuklah kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan memelihara alam sekitar. Oleh itu, pendidikan dan kempen kesedaran perlu dipertingkatkan untuk memastikan kelestarian ekopelancongan. Selain itu, kerjasama antara pihak kerajaan dan masyarakat setempat sangat diperlukan untuk memastikan kawasan-kawasan ini dipelihara dengan baik dan kekal menarik kepada pelancong.

(Sumber: ChatGPT)

Soalan

1. Berdasarkan petikan di atas, jelaskan kepentingan ekopelancongan kepada alam sekitar?
2. Apakah cabaran yang dihadapi dalam memajukan ekopelancongan di negara kita?
3. Bagaimanakah ekopelancongan boleh menjadi pemacu utama dalam pembangunan mampan negara?
4. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ekopelancongan?

Cadangan Jawapan.

1. Ekopelancongan adalah satu bentuk pelancongan yang memberi tumpuan kepada pemuliharaan alam semula jadi serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

2. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam memajukan ekopelancongan, termasuklah kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan memelihara alam sekitar.

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 3

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 1 : Ekopelancongan boleh menjadi pemacu utama dalam pembangunan mampan negara dengan menyokong ekonomi dan pada masa yang sama melindungi alam sekitar.	Ekopelancongan boleh membantu pembangunan negara.
Ayat Huraian (Hu)	Melalui pelaburan dalam ekopelancongan, negara dapat menarik pelancong dan pelabur asing, yang seterusnya meningkatkan pendapatan negara tanpa merosakkan sumber semula jadi.	Dapat menarik pelancong dan pelabur.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, pembinaan kemudahan pelancongan yang mesra alam seperti resort berkonsepkan eco-lodge di Taman Negara.	Contohnya, resort eco-lodge di Taman Negara.

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 2 : Ekopelancongan juga dapat menjadi pemacu utama dalam pembangunan mampu negara dengan menyokong ekonomi tempatan dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.	Ekopelancongan boleh membantu pembangunan negara dengan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
Ayat Huraian (Hu)	Melalui ekopelancongan, aktiviti pelancongan dapat dijalankan dengan cara yang tidak merosakkan alam semula jadi, sambil memberi peluang kepada penduduk setempat untuk terlibat dalam ekonomi melalui perniagaan kecil seperti kraftangan dan makanan tempatan.	Penduduk setempat boleh menjalankan perniagaan kecil seperti menjual cenderamata dan makanan kepada pelancong tanpa merosakkan alam sekitar.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, di Pulau Tioman, penduduk setempat membuka kedai kraftangan yang menjual barang-barang buatan tangan menggunakan bahan-bahan mesra alam, yang bukan sahaja meningkatkan pendapatan mereka tetapi juga mengurangkan penggunaan bahan-bahan plastik dan sintetik.	Contohnya, di Pulau Tioman, penduduk menjual kraftangan yang dibuat daripada bahan-bahan semula jadi kepada pelancong yang datang

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 4

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	<p>Isi 1:</p> <p>Langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ekopelancongan termasuklah melalui pendidikan dan kempen kesedaran.</p>	Langkah yang boleh diambil ialah pendidikan dan kempen kesedaran.
Ayat Huraian (Hu)	Pendidikan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar perlu dimulakan sejak di bangku sekolah, manakala kempen kesedaran boleh dijalankan melalui media massa dan aktiviti komuniti.	Pendidikan boleh dilakukan di sekolah dan kempen melalui media massa.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, kempen “Sayangi Alam Sekitar” yang melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan pelancongan.	Contohnya, kempen “Sayangi Alam Sekitar.”

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	<p>Isi 2:</p> <p>Salah satu langkah penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ekopelancongan adalah dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti ekopelancongan secara langsung.</p>	<p>Satu langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ekopelancongan adalah dengan melibatkan mereka dalam aktiviti pelancongan alam sekitar.</p>
Ayat Huraian (Hu)	<p>Apabila masyarakat terlibat secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan, mereka akan lebih memahami nilai dan kepentingan menjaga alam sekitar, kerana mereka melihat sendiri kesan positif aktiviti tersebut terhadap alam dan ekonomi tempatan.</p>	<p>Apabila mereka terlibat dalam aktiviti ini, mereka akan lebih faham kenapa penting untuk menjaga alam sekitar.</p>
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	<p>Sebagai contoh, program sukarelawan yang melibatkan penduduk tempatan dalam usaha pemuliharaan hutan dan pembersihan pantai seperti yang dilakukan di Pulau Perhentian telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat setempat tentang pentingnya menjaga kelestarian alam.</p>	<p>Contohnya, penduduk setempat yang membantu membersihkan pantai di Pulau Perhentian akan lebih sedar tentang pentingnya menjaga kebersihan alam.</p>

SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

E-Dompet



Perkembangan ekonomi di Malaysia yang semakin pesat serta peningkatan populasi yang mahir teknologi telah menyebabkan *e-dompet* menjadi kaedah pembayaran yang semakin popular sejak kebelakangan ini. *E-dompet*, juga dikenali sebagai dompet digital, ialah akaun maya yang membolehkan pengguna membuat pembayaran untuk barang dan perkhidmatan dalam talian atau dalam kedai tanpa memerlukan wang tunai atau kad fizikal dengan menggunakan telefon pintar.

Dengan peningkatan e-dagang, perbankan mudah alih dan pembayaran tanpa sentuh, *e-dompet* telah muncul sebagai cara yang mudah dan selamat untuk mengurus transaksi wang. Antara kelebihan *e-dompet* ialah seseorang individu tidak perlu beratur panjang untuk mengeluarkan wang. Selain itu, *e-dompet* dapat mengurangkan jumlah wang yang perlu dibawa ke mana-mana serta *e-dompet* dapat menyimpan setiap rekod perbelanjaan dan kita tidak perlu menyimpan setiap resit.

Dipetik dan diubah suai daripada

<https://www.pepitih.com/gaya-hidup/apa-itu-e-wallet/>

Soalan:

1. Apakah maksud *e-dompet*?
2. Nyatakan kelebihan *e-dompet*.
3. Pada pendapat anda, mengapakah kes penipuan dalam talian semakin meningkat?
4. Golongan muda lebih suka menggunakan *e-dompet* berbanding dengan generasi tua. Jelaskan.

Jawapan (Soalan 1 dan soalan 2)

1. *E-dompet* juga dikenali sebagai dompet digital, ialah akaun maya yang membolehkan pengguna membuat pembayaran untuk barang dan perkhidmatan dalam talian atau dalam kedai, tanpa memerlukan wang tunai atau kad fizikal.
2. Antara kelebihan *e-dompet* ialah seseorang individu tidak perlu beratur panjang untuk mengeluarkan wang. Selain itu, *e-dompet* dapat mengurangkan jumlah wang yang perlu dibawa ke mana-mana serta *e-dompet* dapat menyimpan setiap rekod perbelanjaan dan kita tidak perlu menyimpan setiap resit.

Cadangan jawapan soalan 3 dan soalan 4

3. (i) Masyarakat yang kurang mahir menggunakan teknologi masa ini.
(ii) Masyarakat mudah percaya dengan tawaran dan pujukan daripada sindiket jenayah.
4. (i) Golongan muda lebih mahir menggunakan aplikasi *e-dompet* berbanding dengan generasi tua.
(ii) *E-dompet* menawarkan kemudahan dan kecepatan dalam bertransaksi tanpa perlu membawa wang tunai.

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 3:

Pada pendapat anda, mengapakah kes penipuan dalam talian semakin meningkat?

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Isi 1: Kes penipuan dalam talian semakin meningkat kerana masyarakat kurang berpengalaman menggunakan teknologi atau aplikasi moden pada masa ini.	Isi 1: Kes penipuan dalam talian semakin meningkat kerana rakyat tidak tahu menggunakan aplikasi moden.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana peningkatan akses kepada Internet membuka lebih banyak peluang kepada penipu untuk mengeksloitasi mangsa yang kurang berwaspada.	Hal ini adalah kerana rakyat kena tipu.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, penggunaan <i>Smartphone</i> , aplikasi <i>e-dompet</i> , dan sebagainya.	Contohnya, <i>Touch N Go</i> .

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Isi 2: Selain itu, terdapat segelintir masyarakat mudah percaya dengan tawaran dan pujuhan daripada sindiket jenayah.	Isi 2: Rakyat suka percaya orang dengan senang.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana sindiket jenayah semakin licik menggunakan pelbagai teknik untuk memperdayakan mangsa.	Oleh itu, mereka akan mudah bagi maklumat.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, pencurian identiti. Mereka sering kali meniru laman web, emel, atau mesej yang kelihatan sah untuk memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat peribadi atau kewangan.	Sebagai contohnya, mereka akan bagi duit.

Contoh Penggunaan **ToHu** atau **ToCo** untuk Soalan 4:

Golongan muda lebih suka menggunakan *e-dompet* berbanding dengan generasi tua.

Jelaskan.

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Isi 1: Generasi muda lebih terdedah dengan penggunaan aplikasi, dan berbagai inovasi digital masa ini.	Isi 1: Generasi muda senang menggunakan <i>e-dompet</i> .
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana golongan muda lebih mudah mempelajari teknologi baharu dan terkini mengikut peredaran zaman.	Belajar dengan kawan.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, penggunaan <i>Smartphone</i> , aplikasi <i>e-dompet</i> , dan sebagainya.	Sebagai contohnya, <i>Touch N Go</i> .

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Isi 2: <i>E-dompet</i> menawarkan kemudahan dan kecepatan dalam bertransaksi tanpa perlu membawa wang tunai.	Isi 1: <i>E-dompet</i> tidak perlu membawa wang.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda sering mencari cara yang lebih cepat dan efisien dalam melakukan sesuatu dan cenderung memanfaatkan teknologi ini.	<i>E-dompet</i> ringan dan mudah tidak dibawa.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, mereka boleh mengimbas kod QR untuk membuat pembayaran secara atas talian, dan melakukan transaksi dengan lebih cepat.	Sebagai contohnya, guna kod QR.

SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernalas dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 Markah]

TEMA : PENTADBIRAN DAN POLITIK

Kestabilan politik penting kepada negara dan warganya.

Bincangkan.

Koleksi Soalan dan Jawapan bagi Taksiran Kumpulan

Contoh Jawapan bagi Pusingan 1

Cadangan Perbincangan Pusingan pertama

Calon Pertama

Idea 1 :Menjamin pertumbuhan ekonomi negara

Teknik	Cemerlang	Lemah
Pengenalan tajuk perbincangan	<p>Tajuk perbincangan kami ialah Kestabilan politik adalah asas utama bagi kemajuan dan kesejahteraan sesebuah negara. Dalam konteks negara yang sedang membangun atau negara maju, kestabilan politik memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelancaran proses pentadbiran, pemulihan ekonomi, dan kesejahteraan sosial. Tanpa kestabilan politik, negara mungkin menghadapi pelbagai cabaran seperti ketidakpastian ekonomi, keselamatan awam yang terancam, dan kekurangan keyakinan dari pelabur dan masyarakat. Oleh itu, kestabilan politik bukan sahaja penting untuk kemajuan negara tetapi juga untuk kesejahteraan rakyatnya.</p>	<p>Tajuk perbincangan kami ialah Kestabilan politik penting bagi sebuah negara kerana ia membantu dalam memastikan segala urusan berjalan dengan lancar. Jika politik tidak stabil, banyak masalah akan timbul seperti keganasan dan ketidakpastian ekonomi. Oleh itu, kestabilan politik sangat penting untuk kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.</p> <p>.</p>
Ayat Topik (To)	Antara kepentingan kestabilan politik untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan.	Kestabilan politik penting untuk ekonomi negara.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana apabila politik negara stabil, pelabur asing dan tempatan lebih yakin untuk melabur, yang seterusnya akan merangsang pertumbuhan ekonomi.	Hal ini dikatakan demikian kerana jika politik stabil, pelabur akan berasa yakin untuk melabur.

Koleksi Soalan dan Jawapan bagi Taksiran Kumpulan

Contoh Jawapan bagi Pusingan 1

Cadangan Perbincangan Pusingan pertama

Calon Pertama (Sambungan)

Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, kestabilan politik di Malaysia telah menarik banyak syarikat multinasional untuk membuka ibu pejabat mereka di negara ini.	Contohnya, Singapura menjadi pusat perniagaan kerana kestabilan politiknya.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini menunjukkan apabila dapat meningkatkan pendapatan negara melalui cukai tetapi juga boleh menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.	Kesannya, dapat meningkatkan pendapatan negara dan peluang pekerjaan.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik merupakan asas yang penting dalam memastikan ekonomi negara terus berkembang pesat.	Jadi, kestabilan politik perlu dijaga untuk ekonomi yang baik.

Idea 2 : Memastikan keselamatan dan keamanan negara

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Seterusnya, kestabilan politik juga penting untuk memastikan keselamatan dan keamanan negara.	Seterusnya, kestabilan politik penting untuk keselamatan negara.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana negara yang mempunyai politik yang stabil akan dapat mengelakkan konflik dalaman seperti rusuhan dan keganasan.	Hal ini dikatakan demikian kerana negara yang stabil politiknya tidak akan mengalami rusuhan atau keganasan.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, Malaysia berjaya mengawal rusuhan kaum pada tahun 1969 dan mencapai kestabilan politik yang mencegah sebarang peristiwa serupa daripada berulang.	Contohnya, Malaysia berjaya mengawal rusuhan kaum pada tahun 1969.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini dapat memastikan rakyat dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.	Hal ini membolehkan rakyat hidup dengan aman.
Ayat Penegasan (P)	Jelas membuktikan bahawa kestabilan politik sangat penting untuk mengekalkan keselamatan negara.	Jadi, kestabilan politik perlu untuk keselamatan negara.

Calon Ketiga

Idea 3 : Meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Selain itu, kestabilan politik juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa.	Selain itu, kestabilan politik penting untuk imej negara di luar.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana negara yang stabil dari segi politik akan dilihat sebagai destinasi yang selamat dan menarik untuk pelaburan dan pelancongan.	Hal ini dikatakan demikian kerana, negara yang stabil dilihat selamat dan menarik untuk pelaburan dan pelancongan.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, kestabilan politik di Jepun telah menjadikan negara tersebut sebagai salah satu destinasi pelancongan dan pelaburan utama di Asia.	Contohnya, Jepun yang stabil politiknya menjadi destinasi pelancongan utama.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini membawa kepada peningkatan pelancong dan pelabur asing yang membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara.	Hal ini membawa lebih banyak pelancong dan pelabur ke negara tersebut.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik adalah penting untuk membina reputasi negara yang positif di mata dunia.	Jadi, kestabilan politik penting untuk imej negara yang baik.

Idea 4 : Menyediakan dasar-dasar pembangunan yang konsisten		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Di samping itu, kestabilan politik penting untuk menyediakan dasar-dasar pembangunan yang konsisten dan berkesan.	Di samping itu, kestabilan politik penting untuk dasar pembangunan yang konsisten.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana apabila politik stabil, kerajaan dapat menggubal dan melaksanakan dasar-dasar yang konsisten tanpa gangguan atau perubahan yang kerap.	Jika politik stabil, kerajaan boleh membuat dasar yang berkesan tanpa gangguan.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, Rancangan Malaysia Lima Tahun dapat dilaksanakan dengan lancar kerana kestabilan politik yang memastikan kesinambungan dasar-dasar pembangunan.	Contohnya, Rancangan Malaysia Lima Tahun dapat dilaksanakan dengan baik kerana kestabilan politik.
Ayat Kesan (Ke)	Jelas membuktikan bahawa kestabilan politik membolehkan pembangunan negara berlaku dengan lebih teratur dan memberi manfaat kepada rakyat.	Hal ini dapat memastikan pembangunan negara berlaku dengan teratur.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik amat diperlukan untuk memastikan keberkesanannya dasar pembangunan negara.	Jadi, kestabilan politik penting untuk dasar pembangunan yang berkesan.

Pusingan 2

Calon 1

Idea 5 : Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Pandangan yang seterusnya, kestabilan politik penting untuk meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.	Isi seterusnya, kestabilan politik penting untuk kepercayaan rakyat kepada kerajaan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kerajaan dapat berfungsi dengan baik tanpa gangguan politik, rakyat akan lebih percaya kepada kepimpinan dan pentadbiran negara.	Hal ini dikatakan demikian kerana, jika kerajaan berfungsi dengan baik tanpa gangguan, rakyat akan lebih percaya kepada kerajaan.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, negara-negara Scandinavia yang terkenal dengan kestabilan politik tinggi sering mendapat sokongan rakyat yang kukuh dalam pilihan raya.	Contohnya, negara Scandinavia yang stabil politiknya mendapat sokongan kuat daripada rakyat.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, hal ini membolehkan kerajaan melaksanakan dasar-dasar dengan lebih berkesan kerana mendapat sokongan penuh daripada rakyat.	Hal ini membolehkan kerajaan melaksanakan dasar dengan lebih baik.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik adalah asas kepada kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.	Jadi, kestabilan politik penting untuk kepercayaan rakyat.

Idea 2 : Memastikan perpaduan rakyat		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Di samping itu, kestabilan politik juga penting dalam memastikan perpaduan rakyat di negara ini.	Di samping itu, kestabilan politik penting untuk perpaduan rakyat.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana apabila politik stabil, kerajaan dapat menjalankan dasar-dasar yang menggalakkan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama.	Jika politik stabil, kerajaan boleh menggalakkan perpaduan antara kaum.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, dasar perpaduan nasional yang diamalkan di Malaysia telah berjaya mewujudkan keharmonian antara kaum walaupun negara ini berbilang bangsa.	Contohnya, Malaysia yang berbilang kaum dapat hidup harmoni kerana dasar perpaduan yang dijalankan oleh kerajaan.
Ayat Kesan (Ke)	Jelas menunjukkan bahawa dapat memastikan rakyat hidup dalam suasana yang aman dan bersatu padu, merupakan perkara penting untuk pembangunan negara.	Jelaslah bahawa kestabilan politik penting untuk memastikan rakyat hidup dengan aman dan bersatu.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik adalah asas kepada perpaduan dan keharmonian rakyat.	Jadi, kestabilan politik penting untuk perpaduan rakyat.

Idea 3 : Menarik bakat dan kepakaran dari luar negara		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Mengungkap isi yang seterusnya adalah kestabilan politik penting dalam menarik bakat dan kepakaran dari luar negara.	Selain itu, kestabilan politik penting untuk menarik bakat dari luar negara.
Ayat Huraihan (Hu)	Hal ini dapat dilihat apabila sesebuah negara stabil dari segi politik, dapat menarik bakat dan kepakaran dari luar negara datang ke Malaysia kerana menjadi destinasi pilihan bagi pakar-pakar dan profesional dari seluruh dunia untuk datang bekerja.	Jika politik stabil, ramai pakar dari luar akan datang bekerja di negara kita.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, kestabilan politik di Malaysia telah menarik ramai profesional dalam bidang teknologi untuk berpindah dan bekerja di sini.	Contohnya, Malaysia yang stabil politiknya menarik ramai profesional teknologi datang untuk mengembangkan lagi teknologi baru.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini bukan sahaja meningkatkan kualiti tenaga kerja dalam negara tetapi juga menyumbang kepada inovasi dan kemajuan teknologi.	Jelas hal ini dapat meningkatkan kualiti tenaga kerja dan kemajuan teknologi di negara ini.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik adalah penting untuk membina modal insan yang berkemahiran tinggi.	Jadi, kestabilan politik penting untuk menarik bakat luar.

Idea 8 : Memudahkan pelaksanaan polisi luar negara

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Akhir sekali, kestabilan politik juga memudahkan pelaksanaan polisi luar negara yang efektif.	Akhir sekali, kestabilan politik penting untuk pelaksanaan polisi luar negara.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dapat dilihat apabila negara yang stabil dapat merancang dan melaksanakan polisi luar negara dengan konsisten, yang penting untuk menjaga hubungan baik dengan negara lain.	Hal ini dapat dilihat apabila negara yang stabil boleh merancang dan melaksanakan polisi luar negara dengan baik.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, kestabilan politik di Jerman telah membolehkan negara itu memainkan peranan utama dalam Kesatuan Eropah dan menguatkan hubungannya dengan negara-negara anggota yang lain.	Contohnya, Jerman yang stabil politiknya memainkan peranan penting dalam Kesatuan Eropah.
Ayat Kesan (Ke)	Jelas menunjukkan hal ini memastikan negara tersebut dapat mempertahankan kepentingannya di peringkat antarabangsa.	Jelas menunjukkan hal ini membolehkan negara tersebut mempertahankan kepentingannya di peringkat antarabangsa.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, kestabilan politik penting untuk menjayakan polisi luar negara yang memberi manfaat kepada negara.	Jadi, kestabilan politik penting untuk polisi luar negara yang berjaya.
Ayat Penutup	Secara keseluruhannya, kestabilan politik adalah kunci kepada kemakmuran dan kestabilan sesebuah negara. Hal ini mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, keselamatan, dan imej negara di peringkat antarabangsa. Dengan memastikan kestabilan politik, negara dapat mengurangkan konflik, menarik pelabur, dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Justeru, adalah amat penting bagi setiap negara untuk mengutamakan kestabilan politik sebagai teras dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar yang menyokong kemajuan dan kesejahteraan negara serta warganya.	Kesimpulannya, kestabilan politik adalah sangat penting untuk negara dan rakyat. Adanya kestabilan, negara boleh berkembang dengan baik dan rakyat dapat hidup dalam keadaan aman. Oleh itu, adalah penting untuk menjaga kestabilan politik agar negara dan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernalas dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 Markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Ketidakhadiran ke sekolah yang semakin berleluasa dalam kalangan murid adalah isu serius yang memerlukan perhatian pelbagai pihak.

Bincangkan.

Taksiran Kumpulan - Contoh Jawapan bagi Pusingan 1

Cadangan Perbincangan Pusingan 1

Calon Pertama

Idea 1 : Kurang perhatian dan sokongan daripada ibu bapa dan penjaga dalam pendidikan anak-anak

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Pengenalan tajuk perbincangan	<p>Tajuk perbincangan kami ialah “<i>Ketidakhadiran ke sekolah yang semakin berleluasa dalam kalangan murid adalah isu serius yang memerlukan perhatian pelbagai pihak.</i>”</p> <p>Sudah terang lagi bersuluh, ketidakhadiran ke sekolah bermaksud murid tidak hadir ke sekolah secara sengaja tanpa alasan munasabah.</p> <p>Masalah ini akan memberi kesan buruk kepada perkembangan akademik dan sosial murid-murid serta mencabar sistem pendidikan secara keseluruhan.</p> <p>Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakhadiran dalam kalangan murid-murid di sekolah.</p>	<p>Tajuk perbincangan kami ialah “<i>Ketidakhadiran ke sekolah yang semakin berleluasa dalam kalangan murid adalah isu serius yang memerlukan perhatian pelbagai pihak.</i>”</p>
Ayat Topik (To)	Hal ini tercetus kerana murid-murid kurang mendapat perhatian dan sokongan daripada ibu bapa dan penjaga dalam pendidikan anak-anak.	Tidak hadir ke sekolah sebab ibu bapa sangat sibuk bekerja.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir ibu bapa dan penjaga terlalu sibuk bekerja untuk kelangsungan hidup sehingga tiada masa untuk bersama-sama dengan anak-anak.	Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa sibuk mencari duit.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, ibu bapa dan penjaga akan keluar rumah dari awal pagi untuk pergi bekerja dan membiarkan anak-anak mereka untuk menguruskan diri sendiri.	Contohnya, ibu bapa tidak peduli anak-anak.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, anak-anak berasa terabai dan tidak dihiraukan oleh ibu bapa dan penjaga mereka.	Kesannya, anak-anak tidak suka pergi ke sekolah.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa, anak-anak yang tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada ibu bapa dan penjaga dalam pendidikan anak-anak telah menyebabkan anak-anak mereka tidak hadir ke sekolah.	Jadi, anak-anak tidak mahu pergi ke sekolah.

Calon Kedua

Idea 2 : Pengaruh rakan sebaya		
TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Seterusnya, pengaruh rakan sebaya merupakan faktor yang menyebabkan murid-murid tidak hadir ke sekolah.	Kawan-kawan suka ajak tidak perlu hadir ke sekolah.
Ayat Huraian (Hu)	Dalam konteks ini, rakan sebaya merupakan orang yang paling dekat dengan murid-murid di sekolah. Justeru, desakan dan pujaan daripada rakan sebaya untuk tidak hadir ke sekolah akan mempengaruhi minda murid yang tidak berfikir secara rasional.	Ini kerana kawan-kawan suka pujaan tidak perlu datang ke sekolah.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, murid tersebut akan menuruti segala pujaan rakan-rakan yang tidak memandang serius terhadap pelajaran tanpa berfikir panjang serta menuruti tingkah laku rakan-rakan mereka.	Contohnya, murid itu akan mengikut arahan kawan-kawan mereka akan berjumpa di sesuatu tempat untuk bermain.
Ayat Kesan (Ke)	Impaknya, murid-murid akan mudah terpengaruh dengan pujaan rakan-rakan mereka yang juga tidak suka hadir ke sekolah.	Ini menyebabkan murid-murid cepat terpengaruh dengan kawan-kawan yang tidak suka datang ke sekolah.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa, murid-murid lebih terpengaruh dengan pujaan dan ajakan rakan-rakan mereka untuk tidak pergi ke sekolah.	Jadi, murid-murid akan ikut cakap kawan-kawan.

Calon Ketiga

Idea 3 : Masalah kewangan keluarga

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Selain itu, masalah kewangan keluarga juga menyebabkan murid-murid tidak hadir ke sekolah. Ibu bapa dan penjaga tidak dapat membeli barang keperluan sekolah anak-anak mereka seperti buku tulis, pakaian sekolah dan lain-lain.	Selain itu, murid-murid tidak cukup duit pergi ke sekolah.
Ayat Huraihan (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan murid terpaksa ponteng ke sekolah dan bekerja sambilan untuk membantu keluarga mereka.	Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid terpaksa bekerja.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, murid-murid terpaksa bekerja sambilan di kedai-kedai runcit atau restoran yang berdekatan dengan rumah mereka.	Contohnya, murid bekerja di restoran.
Ayat Kesan (Ke)	Implikasinya, murid-murid akan berasa seronok bekerja daripada pergi ke sekolah kerana mereka sudah mempunyai wang.	Jadi, murid akan dapat duit.
Ayat Penegasan (P)	Izharlah bahawa, murid tersebut akan terpaksa ponteng sekolah untuk bekerja sambilan bagi membantu menambah pendapatan keluarga.	Oleh itu, murid itu tidak mahu pergi ke sekolah.

Calon Keempat

Idea 4 : Kurang didikan agama		
TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Seterusnya, punca berlakunya ketidakhadiran murid ke sekolah semakin menjadi-jadi adalah disebabkan oleh kurang didikan agama yang mencukupi daripada ibu bapa dan penjaga.	Selain itu, murid tidak mendapat didikan agama daripada ibu bapa.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa dan penjaga tidak memberi didikan agama kepada anak-anak mereka dengan sempurna. Tanpa ajaran dan didikan agama, murid-murid tersebut akan kurang kesedaran tentang tanggungjawab mereka ke sekolah, khususnya.	Ibu bapa tidak memberi didikan agama dengan baik.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, ibu bapa dan penjaga terlalu sibuk bekerja dan mereka alpa untuk memberi perhatian dan didikan agama kepada anak-anak mereka.	Contohnya, ibu bapa dan penjaga sibuk dengan urusan kerja sahaja.
Ayat Kesan (Ke)	Implikasinya, didikan agama yang kurang diberi perhatian akan menyebabkan murid-murid tersebut tidak cakna terhadap kepentingan pendidikan dan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian.	Kesannya, murid itu akan bebas buat apa-apa sahaja.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa kurangnya didikan agama yang sempurna daripada ibu bapa dan penjaga akan menyebabkan timbulnya gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid-murid.	Jadi, murid-murid tidak suka pergi ke sekolah.

Pusingan 2

Calon 1

Idea 5 : Masalah kesihatan		
TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Pada pendapat saya, ketidakhadiran murid ke sekolah berpunca daripada masalah kesihatan seperti penyakit kronik.	Isi seterusnya, masalah kesihatan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid tersebut mengalami masalah kesihatan yang memerlukan penjagaan yang rapi, berterusan dan rawatan yang berkala.	Hal ini berlaku kerana, murid itu mempunyai penyakit teruk.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contohnya, penyakit kronik ialah penyakit asma, diabetes, dan penyakit jantung yang memerlukan penjagaan dan rawatan yang berterusan menyebabkan berlakunya ketidakhadiran murid ke sekolah.	Contohnya, penyakit jantung, batuk dan lain-lain.
Ayat Kesan (Ke)	Natijahnya, murid yang mengalami penyakit kronik sering menghadapi kesukaran untuk hadir ke sekolah secara konsisten kerana keperluan untuk rawatan atau pemantauan kesihatan adalah sangat mustahak.	Kesannya, murid-murid itu tidak mahu pergi ke sekolah.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa masalah kesihatan murid menjadi asbab ketidakhadiran murid ke sekolah.	Jadi, murid yang ada penyakit tidak mahu pergi ke sekolah.

Calon Kedua

Idea 2 : Pencapaian akademik yang rendah		
TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Selain itu, pencapaian murid yang rendah merupakan punca murid tidak hadir ke sekolah.	Di samping itu, murid tidak mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana murid tersebut tidak mencapai tahap yang memuaskan dalam mata pelajaran mereka dan juga disebabkan oleh kurangnya kefahaman, kemahiran, atau motivasi. Pencapaian akademik yang rendah sering kali menyebabkan rasa putus asa dan ketidakselesaan dalam kalangan murid.	Hal ini kerana murid itu selalu gagal dalam peperiksaan.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, murid tidak memahami mata pelajaran yang sukar seperti Matematik, akan ponteng ke sekolah untuk mengelakkan diri mereka berasa malu atau tertekan di dalam kelas.	Contohnya, mata pelajaran Matematik dan lain-lain.
Ayat Kesan (Ke)	Jelaslah bahawa masalah pencapaian akademik yang rendah akan menyebabkan murid tersebut berasa terasing, hilang keyakinan untuk belajar.	Kesannya, mereka tidak berminat terhadap mata pelajaran yang sukar.
Ayat Penegasan (P)	Tuntasnya, murid-murid tersebut tidak berminat terhadap mata pelajaran yang sukar akan memilih untuk tidak hadir ke sekolah.	Jadi, murid itu akan berasa malu dan tidak mahu datang ke sekolah.

Calon Ketiga

Idea 3 : Gejala buli di sekolah		
TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Mengungkap isi yang seterusnya adalah gejala buli dalam kalangan murid-murid menjadi asbab ketidakhadiran murid ke sekolah.	Selain itu, gejala buli di sekolah.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan begitu kerana gejala buli yang semakin berleluasa akan memberi kesan psikologi yang sangat mendalam kepada murid dan menjadikannya punca ketidakhadiran ke sekolah.	Ramai murid dibuli oleh sekelompok murid yang nakal di sekolah.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai tamsilnya, murid yang dibuli secara fizikal ataupun secara verbal akan berasa tidak selamat dan takut untuk datang ke sekolah.	Contohnya, murid diejek dan diperas ugut di kawasan sekolah.
Ayat Kesan (Ke)	Hakikatnya, gejala buli memberi kesan yang mendalam terhadap murid yang kena buli dan murid tersebut akan ketinggalan dalam pelajaran, hilang keyakinan diri dan enggan pergi ke sekolah.	Kesannya, murid akan berasa sangat takut untuk datang ke sekolah.
Ayat Penegasan (P)	Benarlah bahawa gejala buli menyebabkan ketidakhadiran murid ke sekolah semakin berleluasa.	Jadi, gejala buli sangat tidak baik.

Idea 8 : Pengaruh permainan video

TEKNIK	CEMERLANG	LEMAH
Ayat Topik (To)	Konklusinya, masalah ketidakhadiran murid ke sekolah juga adalah berpunca daripada kecanggihan teknologi pada era globalisasi ini iaitu permainan video di telefon bimbit.	Akhir sekali, pengaruh permainan video jadi punca murid tidak datang ke sekolah.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi masa ini akan menyebabkan murid-murid lalai dengan dunia maya dan mengabaikan masa yang berharga.	Hal ini adalah kerana murid suka bermain permainan video.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contohnya, <i>Mobile Legends</i> , <i>PUBG Mobile</i> , dan <i>Fortnite</i> . Murid-murid leka bermain permainan video di dalam telefon bimbit sehingga lewat malam.	Contohnya, murid bermain permainan video sehingga malam.
Ayat Kesan (Ke)	Implikasinya, murid-murid tersebut akan tidur lewat, sukar dan malas untuk bangun pagi serta akan menyebabkan mereka tidak akan hadir ke sekolah pada keesokkan harinya.	Kesannya, murid lambat bangun dan malas pergi ke sekolah.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa, bermain permainan video yang melampau akan menyebabkan ketidakhadiran murid ke sekolah.	Jadi, murid tidak datang ke sekolah.
Ayat Penutup	Sebagai penutup bicara, masalah ketidakhadiran murid ke sekolah hendaklah diatasi dengan segera agar murid-murid berminat untuk kembali ke sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid merupakan pelapis pemimpin masa hadapan, bak kata pepatah Melayu, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Justeru, semua pihak perlu menggembangkan tenaga, komited dan bekerjasama bagi memastikan murid-murid seronok datang ke sekolah.	Kesimpulannya, ketidakhadiran murid ke sekolah perlu diatasi dengan baik agar murid-murid berasa gembira untuk datang dan belajar di sekolah.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana -
mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi
kandungan modul ini dalam apa juga bentuk
dan cara sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada
Jabatan Pendidikan Negeri Perak